



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA  
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8883 2545  
Faks: 03-8889 5542  
Email: anhisham@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.600-27/1/26 ( 5 )

Tarikh : 21 DISEMBER 2018

## SENARAI EDARAN

*YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,*

### **PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL 5 TAHUN 2018: KEPERLUAN REGULATORI DI BAWAH AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984 (AKTA 304) BAGI FASILITI PERUBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

#### **1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan arahan pematuhan ke atas keperluan regulatori di bawah Akta 304 bagi sebarang pembinaan fasiliti baharu, pengubahsuaian fasiliti, pemasangan, penggantian atau pelupusan sumber sinaran (radas penyinaran/ bahan radioaktif) dan kemudahan berkaitan di semua fasiliti perubatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Sebarang urusan berkaitan aktiviti mengilang, memperdagang, mengeluarkan, memproses, membeli, mempunyai, mengguna, mengangkut, memindah, mengendali, menjual, menstor, mengimport atau mengeksport bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran adalah tertakluk di bawah Akta 304 serta peraturan-peraturan subsidiari di bawahnya.
- 2.2 Buat masa ini, fasiliti perubatan kerajaan dikawal secara pendaftaran dan tidak dilesenkan sepertimana fasiliti perubatan swasta, tetapi semua keperluan dan kehendak di bawah Akta 304 serta peraturan-peraturan subsidiari di bawahnya hendaklah dipatuhi. Pematuhan ke atas keperluan ini akan mencerminkan amalan baik kepada fasiliti perubatan swasta.

.../2...

- 2.3 KKM telah mengeluarkan "Pekeliling Mengenai Keperluan Tambahan Perlesenan di Bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) bertarikh 15 Januari 2001 kepada Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan Pengarah Perancangan dan Pembangunan bagi memastikan pematuhan di bawah Akta 304. Pekeliling tersebut perlu dikemaskini kerana terdapat perubahan dalam keperluan regulatori dan praktis semasa serta penubuhan Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan (BKRP) yang mengawal selia penggunaan sinaran mengion dalam perubatan.
- 2.4 Terdapat fasiliti perubatan KKM yang terlibat dalam pembinaan fasiliti baharu, pengubahsuaian fasiliti, pemasangan atau penggantian radas penyinaran yang masih lagi tidak mematuhi keperluan regulatori. Perkara ini dikhuatiri boleh mendatangkan risiko bahaya kepada pesakit, pekerja dan orang awam.

### **3.0 KEPERLUAN REGULATORI DI BAWAH AKTA 304**

Pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan hendaklah memastikan perkara-perkara berikut yang mana berkaitan dipatuhi:

- 3.1 Semua reka bentuk dan pelan bagi fasiliti yang menempatkan sumber sinaran mengion (radas penyinaran/bahan radioaktif) dan kemudahan berkaitan hendaklah disahkan mematuhi keperluan regulatori sedia ada. Reka bentuk dan pelan tersebut kemudiannya hendaklah dikemukakan ke BKRP untuk kelulusan sebelum tindakan pelaksanaan dilakukan.
- 3.2 Semua radas penyinaran/bahan radioaktif dan kemudahan yang berkaitan hendaklah menjalani pengujian, pentauliahan dan pengesahan bagi memenuhi standard dan kriteria prestasi serta keselamatan sinaran yang ditetapkan sebelum ianya dapat digunakan untuk tujuan klinikal.
- 3.3 Semua kelengkapan pelindung peribadi yang bersesuaian untuk pengendali radas dan pesakit terlibat hendaklah dibekalkan dengan secukupnya. Kelengkapan tersebut adalah seperti pakaian pelindung, apron pelindung dan perisai organ sensitif seperti tiroid dan gonad. Kelengkapan ini juga perlu disenggara dalam keadaan sepatutnya dan diuji secara berkala bagi memastikan ianya dapat berfungsi dengan baik.

.../3...

- 3.4 Program Perlindungan Sinaran (PPS) hendaklah disediakan dan dilaksanakan di setiap fasiliti perubatan/jabatan yang mengendalikan sumber sinaran dan kemudahan berkaitan. Dokumen 'Garis Panduan Penyediaan Manual Program Perlindungan Sinaran (PPS) Bagi Fasiliti Perubatan' telah disediakan dan boleh dimuat turun melalui laman sesawang <https://radia.moh.gov.my>.
- 3.5 Program Penjaminan Mutu (QAP) hendaklah diwujudkan dan dilaksanakan di setiap Jabatan yang mengendalikan sumber sinaran dan kemudahan berkaitan dalam Perkhidmatan Radiologi, Radioterapi, Perubatan Nuklear dan Pergigian masing-masing.

#### 4.0 PELAKSANAAN

- 4.1 Pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan hendaklah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan Perkara 3.0 di atas dapat dilaksanakan dan dipatuhi oleh semua fasiliti perubatan KKM di bawah seliaan masing-masing.
- 4.2 Pekeliling ini juga terpakai untuk semua projek-projek baharu KKM di bawah penyeliaan pihak Jabatan Kesihatan Negeri dan projek yang melibatkan agensi luar seperti Jabatan Kerja Raya.

#### 5.0 TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.
- 5.2 Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Mengenai Keperluan Tambahan Perlesenan di Bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) dengan no rujukan surat (27)d/m.KKM-153(13/172)Bhg.2 dan no rujukan surat (28)d/m.KKM-153(13/172)Bhg.2 bertarikh 15 Januari 2001 adalah dengan ini **TERBATAL**.
- 5.3 YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan bertanggungjawab untuk memastikan arahan di dalam pekeling ini dihebahkan untuk perhatian dan tindakan pihak berkaitan.

## 6.0 PERTANYAAN DAN MAKLUMBALAS

Sebarang pertanyaan atau pun maklumbalas berkaitan dengan pekeliling ini boleh dirujuk/dikemukakan kepada:

Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 4, Blok E3, Parcel E, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya

No. Telefon : 03-8892 4441/ 4575/ 4604/ 4603/ 4605

No. Faks : 03-8892 4746

Laman sesawang : <https://radia.moh.gov.my>

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*Saya yang menjalankan amanah,*



**(DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)**

s.k.:

1. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)  
Kementerian Kesihatan Malaysia
2. Pengarah  
Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

## SENARAI EDARAN

1. **Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)**  
Kementerian Kesihatan Malaysia
2. **Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)**  
Kementerian Kesihatan Malaysia
3. **Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian**  
Kementerian Kesihatan Malaysia
4. **Pengarah**  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia
5. **Pengarah**  
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam  
Kementerian Kesihatan Malaysia
6. **Pengarah**  
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga  
Kementerian Kesihatan Malaysia
7. **Pengarah**  
Bahagian Perancangan  
Kementerian Kesihatan Malaysia
8. **Pengarah**  
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan  
Kementerian Kesihatan Malaysia
9. **Pengarah Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya**  
Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya,  
Jalan Cenderasari,  
50590 Kuala Lumpur,  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
10. **Pengarah Kesihatan Negeri Selangor**  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor,  
Tingkat 9, 10 & 11, Wisma Sunwaymas,  
Lot 1, Jalan Persiaran Kayangan,  
40100 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

11. **Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan**  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan,  
Jalan Rasah,  
70300 Seremban,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.
  
12. **Pengarah Kesihatan Negeri Melaka**  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka,  
Tingkat 3, 4 dan 5, Wisma Persekutuan,  
Jalan Business City, Bandar MICT,  
75450 Ayer Keroh,  
Melaka.
  
13. **Pengarah Kesihatan Negeri Johor**  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor,  
Tingkat 3 & 4, Blok B, Wisma Persekutuan,  
Jalan Air Molek,  
80590 Johor Bahru,  
Johor Darul Takzim
  
14. **Pengarah Kesihatan Negeri Pahang**  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang,  
Jalan IM 4, Bandar Indera Mahkota,  
25582 Kuantan,  
Pahang Darul Makmur.
  
15. **Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan**  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan,  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan,  
15590 Kota Bharu,  
Kelantan Darul Naim.
  
16. **Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu**  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu,  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan,  
Jalan Sultan Ismail,  
20920 Kuala Terengganu,  
Terengganu Darul Iman.
  
17. **Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak**  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak,  
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako,  
93050 Kuching,  
Sarawak.

18. **Pengarah Kesihatan Negeri Sabah**  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah,  
Tingkat 3, Rumah Persekutuan,  
Jalan Mat Salleh,  
88590 Kota Kinabalu,  
Sabah
  
19. **Pengarah Kesihatan Negeri Perak**  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak,  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,  
30590 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan.
  
20. **Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang**  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang,  
Tingkat 35 & 37, KOMTAR,  
10590 Pulau Pinang.
  
21. **Pengarah Kesihatan Negeri Kedah**  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah,  
Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah,  
05400 Alor Setar,  
Kedah Darul Aman.
  
22. **Pengarah Kesihatan Negeri Perlis**  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis  
Jalan Raja Syed Alwi,  
01000 Kangar,  
Perlis.